

## **Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013)**

*Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)*

MAT NOOR MAT ZAIN, Universiti Kebangsaan Malaysia  
NAJIHAH BINTI ALI, Universiti Kebangsaan Malaysia  
NIK ABDUL RAHIM NIK ABDUL GHANI, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: November 24, 2020 Accepted: November 26, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### **ABSTRAK**

*Pegawai Syariah adalah antara individu berperanan memastikan aktiviti dan operasi IKI sentiasa mematuhi kehendak Syariah sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013). Namun APKI tidak menyatakan secara khusus peranan dan tanggungjawab pegawai syariah sehingga menimbulkan persoalan mengenai kedudukan dalam institusi kewangan Islam. Oleh itu artikel ini akan menganalisis peranan mereka berdasarkan APKI 2013. Kajian ini berbetuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai metod pengumpulan data dan kaedah deskriptif sebagai metod analisis data. Kajian mendapati bahawa peruntukan APKI ada menjelaskan peranan pegawai syariah yang terlibat dalam proses pengauditan dan pengurusan risiko syariah. Umumnya, seksyen 35(1) menjelaskan peranan pegawai syariah adalah memberi maklumat mengenai penilaian yang dijalankan kepada Jawatankuasa Syariah atau Shariah Committee (SC). Manakala, secara khususnya APKI menekankan perkara yang berkaitan audit syariah yang menghendaki setiap juruaudit yang dilantik mengemukakan laporan mengenai audit pematuhan syariah yang telah dijalankan bertujuan untuk memastikan pematuhan syariah dalam operasi IKI.*

*Kata Kunci: Pegawai syariah, tanggungjawab, IFSA, audit, review*

### **ABSTRACT**

*Shariah officers are among individuals whose role is to ensure that the activities and operations of IFIs always comply with Shariah requirements as stipulated in the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013). Nevertheless, IFSA does not specifically state the role and responsibilities of shariah officers, thus raising questions about the position in Islamic financial institutions. Therefore, this article will analyze their role based on IFSA 2013. This study is qualitative in nature which uses document analysis approach as data collection method and descriptive approach as data analysis method. The study found that the IFSA provision explains about the role of shariah officers relating to the process of shariah audit and shariah risk management. Generally, section 35 (1) clarifies the role of shariah officers that is to provide information on the assesment conducted to the Shariah Committee (SC). Meanwhile, IFSA specifically emphasized matters related to shariah audit which required each appointed auditor to submit a report on shariah compliance audits that had been conducted with the aim of ensuring shariah compliance in IFIs' operations.*

*Keyword: Shariah oficcer, responsibility, IFSA, audit, review*

### **PENGENALAN**

Institusi kewangan sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara sama ada berbentuk konvensional atau Islam. Walaupun Malaysia mengamalkan kedua-dua sistem tersebut tetapi sistem kewangan Islam lebih dominan kepada orang Islam. Prinsip-prinsip asas kewangan Islam menjadikan kedudukan istitusinya stabil kerana ia berasaskan keadilan, tiada riba, gharar, penipuan, keuntungan berasaskan risiko dan kontrak yang berbentuk

perniagaan, perkongsian untung rugi, kebajikan dan seumpamanya.

Pada hari ini, ekosistem kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memenuhi keperluan ekonomi negara yang terus berkembang. Institusi kewangan Islam (IKI), terutamanya institusi perbankan Islam (IPI) terus berkembang pesat dengan persekitaran tadbir urus Syariah yang kondusif dan inovasi produk-produk yang pelbagai. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) Bank Negara Malaysia telah

mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah (SGF) bagi Institusi Kewangan Islam pada tahun 2011, bertujuan untuk memperkukuhkan tadbir urus syariah dalam kewangan Islam, di samping memperbanyak bilangan ahli Syariah yang berkebolehan dalam perbankan Islam dan takaful. Manakala pada tahun 2013 pula, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) diperkenalkan dan berkuatkuasa pada tahun yang sama (BNM, Rencana, 2018). Bagi memperkemas lagi tadbir urus syariah, pada tahun 2019 BNM telah menerbitkan Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019 yang menggantikan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah 2010. Dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah 2019 dinyatakan secara terperinci tugas dan tanggungjawab jawatankuasa syariah (Shamsiah Mohamad 2020).

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 diwujudkan oleh BNM bagi merealisasikan pematuhan syariah sentiasa terjamin dengan memastikan industri kewangan Islam benar-benar konsisten dan cermat dengan aspek pematuhan syariah sebagai teras utama (Maybank t.th). Dalam APKI 2013 terdapat banyak peruntukan yang menyentuh sumber manusia dari aspek pematuhan syariah dan tanggungjawab. Beberapa penekanan terhadap sumber manusia telah diperuntukkan beserta dengan peranannya iaitu disebut di Bahagian IV dan Bahagian VI. Antara pegawai-pegawai utama yang disebut di dalam APKI 2013 ialah Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah. Manakala di bahagian institusi, terdapat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pegawai Kanan dan pegawai syariah. Berdasarkan SGF 2010, BNM telah mengeluarkan kerangka tadbir urus syariah untuk dijadikan panduan kepada IKI di Malaysia. Dalam pembentukan rangka kerja tersebut, BNM telah merujuk kepada Prinsip Panduan mengenai Sistem Tadbir Urus Syariah bagi Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) pada bulan Disember 2009 dan juga pelaksanaan amalan-amalan bersesuaian di negara-negara yang mempunyai sektor perbankan dan kewangan Islam yang pesat. Kerangka yang disediakan memberi fokus kepada peranan fungsi-fungsi utama dan fungsi syariah dalaman (Lihat Mohamed Hadi 2017).

SGF 2010 telah membantu penyelarasan semua institusi kewangan Islam bagi mematuhi prinsip syariah dalam setiap operasi kerja mereka. Ia juga mempunyai fokus kepada pembangunan modal insan terus dipergiatkan bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang perbankan dan kewangan Islam ini. Pegawai-pegawai atau kakitangan di bawah institusi kewangan perlulah berdedikasi melaksanakan tugas dalam erti kata lain perlu memainkan peranan dengan baik berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Oleh itu, pegawai-pegawai syariah perlulah memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tugas berdasarkan garis panduan yang diperuntukan.

Perkembangan pengawalseliaan dan pengaturan tadbir urus perlu seiring dengan usaha industri kewangan Islam yang terus meneroka sempadan baharu. Ini bertujuan menggalakkan daya tahan sistem kewangan Islam. Pada tahun 2019, Bank telah memperkukuh piawaian Tadbir Urus Syariah sejajar dengan skala perniagaan kewangan Islam yang semakin meningkat dan rumit. Piawaian ini meningkatkan keperluan berhubung dengan taraf kualiti dan keberkesanan pengaturan tadbir urus dalam institusi kewangan Islam bagi memastikan institusi tersebut patuh Syariah. Ini termasuk menghendaki institusi kewangan Islam menunjukkan cara mereka menyepadukan pertimbangan tadbir urus Syariah dalam strategi perniagaan dan risiko, serta menggalakkan budaya dan persekitaran pematuhan Syariah yang kukuh. Piawaian tersebut turut menggariskan keperluan kompetensi yang lebih tinggi untuk jawatankuasa Syariah agar sepadan dengan keperluan perniagaan. Piawaian Tadbir Urus Syariah yang baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 April 2020. MPS Bank juga telah menambah baik rangka kerja membuat keputusan yang sedia ada bagi menyokong peranannya sebagai pihak berkuasa utama untuk menentukan hukum Syarak dalam perniagaan kewangan Islam. Dalam memastikan keputusan yang dibuat tepat dan wajar, MPS akan mengambil kira perspektif praktikal yang lebih meluas. Asas-asas yang menyokong setiap keputusan Syariah akan dimaklumkan secara lebih terperinci sebagai panduan tambahan untuk dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam (BNM 2019).

## KAJIAN LITERATUR

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Malaysia bagi memperkasakan institusi perbankan Islam di Malaysia sama ada dari segi pentadbiran, perundangan, industri, sumber manusia dan selainnya. Tidak dapat dinafikan bahawa sumber manusia yang terangkum di bawah aspek tadbir urus (*governance*) perbankan dan kewangan Islam merupakan komponen penting dalam memastikan kestabilan sistem kewangan Islam. Ini kerana ia berperanan dalam menyokong pembangunan industri secara mampan. Sumber manusia juga penting dengan objektif kawal selia untuk memastikan pematuhan syariah secara berterusan dan menyeluruh. Ini kerana dalam menjayakan tadbir urus syariah berjalan dengan lancar semua pihak dalam institusi berperanan termasuklah ahli jawatankuasa syariah, pegawai atasan, pegawai syariah dan lain-lainnya.

Pegawai-pegawai Syariah dalam Kewangan Islam yang merupakan pihak yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam juga merupakan tonggak dalam kelestarian dan produktiviti. Oleh itu, mereka juga dimasukkan dalam tadbir urus syariah sebagai pemain utama di samping ahli jawatankuasa syariah dan pegawai kanan institusi. Melalui tadbir urus syariah, pegawai syariah membantu institusi kewangan Islam

dalam memastikan seluruh operasi perniagaannya mematuhi prinsip syariah. Tadbir urus syariah ini merangkumi kerangka kerja, polisi dan manual operasi serta pelaksanaan kepada tuntutan rangka kerja serta polisi-polisi tersebut. Ini kerana menurut Mohd Afandi & Muhammad Muhaimin (2019) rangka kerja ini merujuk kepada satu sistem penyusunan organisasi kewangan Islam yang melibatkan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan serta jawatankuasa penasihat syariah.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang menyatakan peranan pemain industri perbankan Islam telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 2011. Rangka kerja ini adalah penting sebagai panduan operasi bagi pihak institusi perbankan Islam khususnya jawatankuasa syariah. Rangka kerja tadbir urus syariah yang telah digariskan ini mempromosikan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi dalam memastikan setiap operasi di institusi-institusi perbankan Islam mematuhi syariah. Oleh yang demikian, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi-Institusi Perbankan Islam 2011 ini penting khususnya bagi menambahbaik mutu amalan perbankan Islam di Malaysia. Pihak pentadbir institusi perbankan Islam termasuk pegawai syariah bertanggungjawab untuk menerapkan penguatkuasaan resolusi syariah dan apa jua keputusan Majlis Penasihat Syariah dan jawatankuasa syariah (Mohd Izzat Amsyar & Ruzian Markom 2018).

Seterusnya Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) telah diwujudkan sebagai langkah untuk memodenkan undang-undang bagi mengawal selia perlakuan dan penyediaan institusi kewangan Islam di Malaysia. Objektif utamanya adalah untuk mengukuhkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah. Ini kerana APKI 2013 memperuntukkan bahagian khas yang berkaitan dengan kehendak syariah iaitu pada Bahagian IV yang merangkumi pematuhan syariah dan tadbir urus syariah. Muzakarah MPS (2014) telah mengeaskan bahawa APKI 2013 digazetkan bagi tujuan untuk memperkukuh kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah serta memperkukuh pengawalseliaan terhadap institusi kewangan Islam.

Menurut Izzat & Rusian (2018), Malaysia mengamalkan sistem tadbir urus berpusat kerana mempunyai organisasi tertinggi dan berautoriti dalam pengawalseliaannya. Majlis Penasihat Syariah pula merupakan autoriti syariah tertinggi di peringkat kebangsaan dalam sistem perbankan Islam berdasarkan kepada Seksyen 51 Akta Bank Negara 2009. Di samping itu, aspek tadbir urus syariah dalam perbankan Islam dapat diketahui dengan lebih terperinci dalam Akta perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Secara umumnya, peruntukan yang terkandung dalam akta tersebut memberi garis panduan bagi pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan Islam,

sistem pembayaran dan entiti berkaitan lain serta pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam (Portal BNM). Hal ini bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan kepada Syariah sepertimana yang disebut dalam objektif utama APKI 2013.

Berhubung dengan itu, akta tersebut memberi garis panduan mengenai pembentukan organisasi dengan memperuntukan aspek tadbir urus syariah bagi perbankan Islam secara terperinci melalui seksyen 30 hingga 38 Penggal Kedua Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Rusni & Safinar 2017). Berdasarkan kepada akta tersebut, seksyen 30 telah mewajibkan setiap institusi perbankan Islam untuk menubuhkan jawatankuasa syariah masing-masing bagi menasihati institusi tersebut berhubung perkara-perkara yang melibatkan syariah. Manakala, dari aspek pelantikan dan tanggungjawab yang ditaklifikan kepada ahli jawatankuasa syariah diperuntukan dalam seksyen 31 hingga seksyen 36 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Portal Rasmi MPS 2020). Peruntukan ini jelas menyebut peranan dan fungsi jawatankuasa syariah dalam institusi kewangan Islam. Oleh itu, kajian Mohd Afandi & Muhammad Muhaimin (2019) melihat peranan APKI 2013 dalam memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. Kajian tersebut sememangnya fokus dalam aspek tadbir urus syariah yang dimainkan oleh Majlis Penasihat Syariah dan jawatankuasa syariah, berbanding pegawai syariah yang juga memainkan peranan yang besar.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faiz et.al (2016) yang berjudul "Tadbir Urus Syariah dalam Indusrti Takaful di Malaysia: Implikasi Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013". Antara hasil kajian tersebut ialah penulis mendapati bidang kuasa dan peranan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah secara terperinci. Dalam kajian ini, jelas bahawa kajian hanya tertumpu kepada peranan MPS dan jawatankuasa syariah. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Mohd Izzat Amsyar dan Ruzian (2013), kajian tersebut mengenai peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Syariah unrtuk memperkasakan Kewangan Islam di Malaysia. Kajian ini menyentuh dari sudut perundangan berdasarkan kepada APKI 2013 namun kajian tersebut hanya membincangkan peranan MPS sahaja. Walaupun kajian-kajian tersebut dari aspek tadbir urus yang diperuntukan dalam APKI 2013 tetapi hanya melibatkan MPS sedangkan pegawai syariah juga perlu berada dalam tadbir urus dan mempunyai peranannya dalam memajukan IKI di Malaysia.

Namun demikian, Karim dan Ginena (2014) dalam "Shari'ah Risk and Corporate Governance of Islamic banks", mengkaji kedudukan pegawai syariah dalam tadbir urus syariah dengan menyatakan ia melibatkan Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kaitangan-kakitangan dalam operasi IKI termasuklah pegawai syariah. Seterusnya menyarankan agar pegawai syariah juga perlu dibincangkan dalam tadbir urus syariah secara

berasingan. Walau bagaimanapun kajian ini tidak meneliti peranan pegawai syariah yang diperuntukan dalam APKI 2013 kerana fokus kajian kepada punca risiko syariah tersebut berlaku.

Terdapat satu artikel membincangkan pegawai syariah iaitu artikel yang dinukil oleh Muhammad Iqmal et al. pada tahun 2020. Kajian ini ada menyebut beberapa peranan pegawai syariah bagi memastikan pematuhan syariah dalam IKI tetapi kajian tersebut berbentuk perbandingan antara 'standard-standard' yang dikeluarkan oleh BNM tidak khusus kepada kandungan IFSA itu sendiri.

Hal ini yang menimbulkan tanda tanya mengenai apakah peranan pegawai syariah yang diperuntukan dalam APKI 2013 kerana kebanyakan kajian yang ditemui hanya menfokuskan kepada peranan MPS, lembaga pengarah dan jawatankuasa Syariah dalam APKI 2013 sahaja sedangkan peranan pegawai syariah juga perlu diteliti berdasarkan APKI 2013. Oleh itu, kajian-kajian yang lepas mempunyai kekurangan dalam menjelaskan peranan atau tadbir urus syariah bagi pegawai-pegawai syariah dalam IKI. Justeru itu fokus kajian ini adalah untuk meneliti peranan pegawai syariah berdasarkan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Oleh itu, kajian-kajian yang dilakukan tidak menyentuh peranan pegawai syariah dalam institusi kewangan Islam, sedangkan jika dilihat akta perkhidmatan kewangan Islam 2013, perihal pegawai syariah juga ada diperuntukan tetapi perlu dibaca bersama dengan sumber manusia yang lain. Oleh itu, kajian ini merupakan suatu penelitian terhadap peranan pegawai syariah yang diperuntukan dalam APKI 2013.

## METODOLOGI

Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen untuk menjawab isu yang dibangkitkan fungsi dan tanggungjawab pegawai syariah dalam APKI 2013. Dokumen yang dirujuk adalah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan Shariah Governance Framework 2010 (SGF 2010). Peruntukan yang terkandung dalam APKI 2013 menjelaskan peranan-peranan sumber manusia dalam menjalankan tadbir urus termasuklah peranan pegawai syariah dalam institusi kewangan. Peranan-peranan yang melibatkan sumber manusia disebut pada Bahagian IV (Kehendak Syariah), penggal dua di bawah tajuk 'tadbir urus Syariah'. Analisis kajian mengguna pendekatan deskriptif untuk mengkaji dan menjelaskan kedudukan dan peruntukan mengenai pegawai syariah berdasarkan kepada APKI 2013. Untuk itu, sumber-sumber primer dan sekunder juga digunakan bagi membincangkan perkara yang dikaji.

### PEGAWAI SYARIAH DALAM APKI 2013

Kewujudan tadbir urus bagi setiap institusi amat penting dalam menetapkan peranan dan fungsi setiap

sumber manusia yang terlibat dalam operasi IKI termasuk peranan kakitangan operasi tidak kira kakitangan syariah atau bukan syariah. Kakitangan operasi seperti Bahagian Pemasaran, Bahagian Pengurusan Risiko, Bahagian Pembangunan Produk, Bahagian Syariah dan semua kakitangan yang menjalankan operasi dan aktiviti dalam IKI. Kakitangan bukan syariah pula memberi maksud khusus iaitu kakitangan selain daripada Jawatankuasa Syariah dan Jabatan Syariah (Mohd Faiz et al. 2019).

Peruntukan APKI 2013 telah menjelaskan keperluan tadbir urus di bahagian empat dan enam di bawah topik 'Kehendak Syariah' dan 'Kehendak Berhemat'. Perbincangan mengenai tadbir urus ini telah diklasifikasikan kepada dua aspek iaitu tadbir urus syariah dan tadbir urus korporat. Perkara yang berkaitan tadbir urus syariah disebut dalam seksyen 30 sehingga seksyen 36 iaitu berkenaan dengan penubuhan, pelantikan, kewajipan jawatankuasa syariah, pemberhentian dan notis pemberhentian SC, maklumat-maklumat yang perlu diserahkan kepada SC serta perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsian oleh SC. Peruntukan ini bertujuan untuk mendayakan dan mengarusperdanakan kepakaran kewangan Islam (Ruzian 2013). Dari segi tadbir urus korporat pula, APKI 2013 telah memperuntukan garis panduan pada seksyen 62 sehingga seksyen 71 yang merangkumi kelayakan, kewajipan pengerusi, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan sesebuah institusi kewangan (Ruzian 2013). Seksyen 62 merupakan tafsiran perkataan 'pengerusi' yang digunakan dalam peruntukan iaitu merujuk kepada pengerusi lembaga pengarah.

Perlu difahami bahawa peranan yang dinyatakan dalam tadbir urus syariah dan tadbir urus korporat bukanlah pegawai syariah. Hal ini kerana, pegawai syariah merujuk kepada orang yang menjalankan fungsi dalaman (*control function*) yang akan memberi maklumat kepada Jawatankuasa Syariah subseksyen 35(1) (APKI 2013).

Dalam SGF 2010 telah menyenaraikan 4 fungsi dalaman yang terdiri daripada, *Shariah Review*, *Shariah Risk Management (SRM)*, *Shariah Audit*, dan *Shariah Research*. Namun, selepas BNM mengeluarkan garis panduan yang baru iaitu SGPD 2019, terdapat penambah baikkan yang mana hanya 3 fungsi dalaman (Perenggan 16.3 SGPD). *Shariah Research* tidak lagi diletakkan di bawah fungsi dalaman sebaliknya bergantung kepada IKI itu sendiri. Seseengah IKI meletakkan *Shariah Research* di jabatan Syariah untuk melaksanakan urusan-urusan skretariat kepada SC. Walaubagaimapun, ia masih dikategorikan sebagai pegawai Syariah. Oleh itu, kerangka kerja yang dikeluarkan oleh BNM telah menggariskan keperluan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 4 unit syariah (Ruzian 2013) dalam IKI termasuklah bank-bank yang menjalankan perbankan Islam.

#### 1. *Shariah Review*

*Shariah Review* atau semakan syariah atau kajian syariah merujuk kepada fungsi untuk melakukan

penilaian berkala yang berkaitan dengan pematuhan syariah dalam aktiviti dan operasi IKI oleh pegawai syariah yang berkecukupan selari dengan kehendak syariah (SGPD 2019). Fungsi unit semakan syariah sekurang-kurangnya mesti seperti berikut (perenggan 18.2 SGPD);

- a. Mengenal pasti, menilai dan memantau keputusan operasi dan aktiviti perniagaan IKI Syariah;
- b. melaporkan kepada pengarah institusi, jawatankuasa Syariah dan pengurusan kanan secara berkala mengenai masalah dan penemuan ketidakpatuhan Syariah;
- c. memaklumkan dan memberikan kemas kini kepada pengarah institusi, jawatankuasa Syariah dan pengurusan kanan mengenai perkembangan terkini peraturan dan keperluan perundangan dalam kewangan Islam, terutamanya yang berkaitan dengan pengeluaran keputusan oleh SAC; dan
- d. memastikan latihan dan bimbingan yang mencukupi diberikan kepada pegawai IKI mengenai keperluan Syariah yang relevan yang mengatur operasi, perniagaan, urusan dan kegiatan IKI.

Pegawai kanan yang mempunyai akauntabiliti dan bertanggungjawab terhadap pematuhan adalah bertanggungjawab terhadap kajian Syariah yang menjadi sebahagian daripada tanggungjawab pematuhan keseluruhan IKI dalam memastikan pengurusan risiko pematuhan yang tepat (perenggan 18.3). Sesuatu IKI perlu memastikan bahawa pegawai yang menjalankan fungsi semakan syariah berkecukupan untuk melaksanakan tanggungjawab fungsi pematuhan dan mempunyai pemahaman yang baik mengenai keperluan Syariah yang relevan yang berlaku untuk perniagaan kewangan Islam (perenggan 18.4). Menurut perenggan 18.4, pegawai yang memenuhi syarat untuk melaksanakan tanggungjawab fungsi pematuhan mungkin termasuk pegawai dengan kelayakan Syariah. Merujuk kepada SGF 2010, pegawai syariah yang berkecukupan adalah pegawai yang memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang Syariah, yang merangkumi pengajian dalam Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat. Merujuk kepada perenggan 7.6 SGF 2010, proses semakan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut:

- a. merancang program kajian yang merangkumi objektif, skop, pelaporan, pembetulan dan tindakan susulan diikuti dengan pelaksanaan program;
- b. dokumentasi proses yang terlibat dalam kajian semula;
- c. menyampaikan hasil kajian dan menyoroti sebarang ketidakpatuhan kepada Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan; dan
- d. membetulkan sebarang keadaan ketidakpatuhan terhadap Syariah untuk mencegah kejadian seperti itu daripada berulang.

Peranan semakan syariah disebut dalam SGF dan SGPD tetapi tidak dinyatakan secara khusus dalam APKI 2013 secara teliti. Walaubagaimana pun, pegawai yang melaksanakan semakan syariah masih perlu memainkan peranan yang penting dan jika berlaku sebarang kemungkiran maka hukuman dan penguatkuasaan masih tertakluk kepada APKI 2013.

## 2. Pengurusan Risiko Syariah (*Shariah Risk Management (SRM)*)

Merujuk SGF 2010, pegawai syariah yang menjalankan pengurusan risiko berperanan untuk melaksanakan satu rangkaian proses dalam IKI yang melibatkan pengenalan, penilaian atau pengukuran, pengawalan dan pengurangan, pelaporan (perenggan 7.18). Proses pengenalan adalah bertujuan untuk mengenalpasti sebarang risiko yang mungkin berlaku sama ada dari segi bagaimana risiko itu berlaku atau bahagian yang paling mudah terdedah dalam risiko. Penilaian dan pengukuran pula merupakan proses untuk mengukur sejauh mana tahap risiko tersebut dan ketiga proses pengawalan iaitu pegawai yang bertanggungjawab perlu mengawal risiko tersebut sama ada dengan cara mengurangkan, menghalang, memindahkan atau menerima risiko tersebut. Proses yang terakhir melibatkan pegawai syariah untuk membuat laporan mengenai risiko (Mustafa et.al 2020). Peranan kedua ialah merumus dan mengesyorkan polisi dan garis panduan pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah yang sesuai. Pegawai syariah dalam SRM juga berperanan membangunkan dan melaksanakan proses untuk kesedaran risiko ketidakpatuhan syariah di bank. Justeru itu, pengurusan risiko yang baik dan amalannya yang berkesan secara tidak langsung meningkatkan keuntungan bank dan memastikan keletariannya. Hal ini menjadikan pengurusan risiko adalah tonggak operasi perbankan yang bertanggungjawab.

Merujuk kepada perenggan 17.1, pengurusan risiko Syariah merujuk kepada fungsi yang secara sistematik mengenalpasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko ketidakpatuhan Syariah dalam operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti IKI (SGPD 2019). Perenggan 17.2, menjelaskan fungsi pengurusan risiko syariah, sekurang-kurangnya, mesti-

- a. mengintegrasikan pertimbangan risiko ketidakpatuhan Syariah dengan pengurusan risiko seluruh perusahaan;
- b. mengenal pasti pendedahan risiko ketidakpatuhan Syariah dalam operasi perniagaan dan aktiviti IKI;
- c. menilai risiko ketidakpatuhan Syariah dan mengukur kemungkinan kesan pendedahan risiko kepada IKI;
- d. menetapkan langkah-langkah pengurangan risiko yang sesuai;
- e. memantau pendedahan risiko ketidakpatuhan Syariah dan keberkesanan langkah-langkah pengurangan risiko;

- f. melaporkan kepada pengarah institusi, jawatankuasa Syariah dan pengurusan kanan mengenai pendedahan risiko ketidakpatuhan Syariah sehubungan dengan perenggan 17.2 (b) hingga (e); dan
- g. mencabar keputusan secara konstruktif yang boleh menimbulkan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Merujuk kepada APKI 2013, unit syariah yang menjalankan pengurusan risiko disebut sebagai aktuari yang mana diperuntukan dalam bahagian enam 'Kehendak Berhemat' di bawah subtopik 'Aktuari yang dilantik' terutama dalam memperhitungkan risiko. Dalam konteks kewangan Islam, aktuari merujuk kepada pengurusan risiko yang berkaitan dengan pengendalian takaful. Berdasarkan muzakarah MPS 2014, tanggungjawab aktuari adalah membantu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tinggi dalam pengurusan syarikat takaful yang pruden serta melindungi kepentingan peserta-peserta Takaful. Hal ini diperincikan dalam peruntukan mengenai aktuari yang disenaraikan dalam APKI 2013 merangkumi perlantikan pengendali takaful dan bank (Seksyen 83&84), kewajipan (Seksyen 85), pemberhentian (Seksyen 86&87), maklumat yang perlu diberikan kepada aktuari (Seksyen 88) dan perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsian (Seksyen 89).

### 3. *Shariah Audit*

Audit didefinisikan sebagai pemeriksaan dan pengesahan kira-kira manakala Syariah bermaksud hukum Islam. Menurut Mohd Zamerey dan Nurmaezah (2008), audit syariah melibatkan proses pengauditan di mana individu yang kompeten, bebas mengumpul dan menilai segala bukti mengenai maklumat yang berhubung rapat dengan entiti ekonomi yang spesifik. Bersumberkan SGPD 2019, audit Syariah merujuk kepada fungsi yang memberi penilaian bebas terhadap kualiti dan keberkesanan kawalan dalaman IKI, sistem pengurusan risiko, proses tadbir urus serta pematuhan syariah serta pematuhan keseluruhan operasi, perniagaan, urusan dan kegiatan IKI dengan Syariah. Fungsi audit Syariah, minimum, mesti:

- a. Menetapkan metodologi audit untuk menilai profil risiko dan kerentanan setiap bidang yang dapat diaudit;
- b. Menghasilkan rancangan audit untuk tugas yang akan dilaksanakan;
- c. Menetapkan program audit terdokumentasi yang jelas yang memberikan panduan kepada juruaudit dalaman dalam mengumpul maklumat, prosedur audit dan penilaian audit; dan
- d. Mengkomunikasikan hasil kepada BOD dan SC melalui laporan audit, memperincikan penemuan audit dan cadangan untuk langkah-langkah pembetulan, serta respons dan rancangan tindakan pihak audit.

Dalam memastikan pematuhan syariah dalam IKI, maka amat penting untuk mewujudkan audit syariah bagi tujuan tersebut. Sebelum diwartakan APKI, keperluan untuk mewujudkan unit audit syariah dalam IKI merupakan suatu pilihan tetapi selepas tertubuhnya APKI maka menjadi keperluan untuk mewujudkan audit Syariah. APKI memperuntukan bahawa BNM mempunyai kuasa dalam melantik orang untuk menjalankan audit pematuhan Syariah dan BNM juga memberi kuasa kepada institusi untuk melantik orang menjalankan audit syariah. Hal ini dijelaskan dalam seksyen 37 dan 38 yang menyebut;

37. (1) Bank boleh menghendaki suatu institusi untuk melantik mana-mana orang sebagaimana yang Bank boleh luluskan, untuk menjalankan audit pematuhan Syariah oleh institusi itu.
- (2) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai apa-apa kewajipan dan fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah mengemukakan laporan kepada Bank mengenai audit yang dijalankan menurut seksyen ini.
- (3) Saraan dan perbelanjaan orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) yang berhubung dengan apa-apa audit pematuhan Syariah di bawah seksyen ini hendaklah ditanggung oleh institusi itu.
- (4) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) tidak boleh bertanggung bagi kemungkiran kewajipan kerahsian antara orang itu dan institusi itu berkenaan dengan perkara yang dilaporkan kepada Bank menurut audit pematuhan Syariah di bawah seksyen ini.

Namun demikian, Bank boleh melantik bagi suatu institusi mana-mana orang untuk menjalankan audit pematuhan Syariah (APKI 2013, 38. (1)—

Bagi tujuan memastikan pematuhan syariah dalam kewangan, peruntukan APKI 2013 juga ada menjelaskan peranan pegawai syariah yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi audit syariah iaitu di bahagian enam di bawah subtopik 'Juruaudit' yang merangkumi pelantikan juruaudit oleh bank dan institusi, kewajipan juruaudit, notis pemberhentian sebagai juruaudit, maklumat untuk diberikan kepada juruaudit, obligasi pelaporan kepada juruaudit, perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsian (lihat Seksyen 78).

Juruaudit akan melaksanakan peranan yang dinyatakan di atas dengan merujuk kepada maklumat yang perlu disediakan oleh pengurusan. Seksyen 80, menyebut mengenai kepentingan institusi dan pengarah, pegawai atau pengawal institusi dalam memberi maklumat kepada juruaudit iaitu;

- a. memberi kepada juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 76 atau 77 semua maklumat yang berada dalam pengetahuannya atau yang boleh didapati olehnya yang dikehendaki oleh juruaudit itu; dan
- b. memastikan bahawa semua maklumat yang diberi di bawah perenggan (a) adalah tepat, lengkap, tidak palsu atau mengelirukan, dalam mana-mana butir material, bagi membolehkan juruaudit itu menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini.

Berdasarkan perbentangan slaid IBFIM yang berjudul '*Shariah Audit Process*' oleh pegawai

Syariah dalam kursus CPSA, terdapat empat proses dalam menjalankan audit syariah iaitu bermula daripada *planning, fieldwork, reporting and follow up*. Proses merancang melibatkan pegawai syariah untuk membuat rancangan tahunan yang mana jawatankuasa Audit akan mengkaji terlebih dahulu rancangan tahunan tersebut sebelum audait melaksanakan proses '*fieldwork*' (IBFIM 2019(a)).

Proses menyediakan laporan audit syariah dalam menjalan pengauditan amat penting kerana setelah membuat proses merancang dan merangka, juruaudit bertanggungjawab memberikan laporan kepada Lembaga Pengarah melalui SC (Mustafa et.al 2020). APKI 2013 juga menjelaskan berkaitan obligasi pelaporan juruaudit di bawah seksyen 81. Peruntukan tersebut menyebut bahawa juruaudit bertanggungjawab memberi laporan kepada Bank (BNM) dengan serta merta secara bertulis sekiranya pegawai tersebut berpuas hati bahawa;

- a. terdapat suatu kemungkiran atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau suatu ketidakpatuhan mana-mana standard sebagaimana yang ditentukan oleh Bank di bawah Akta ini yang boleh memberi kesan material kepada kedudukan kewangan institusi itu;
- b. suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan oleh institusi itu atau oleh mana-mana pengarah atau pegawai institusi itu;
- c. apa-apa ketidakteraturan yang boleh memberi suatu kesan material kepada kedudukan kewangan institusi itu, termasuk apa-apa ketidakteraturan yang membahayakan atau boleh membahayakan kepentingan pendeposit, pemegang akaun pelaburan, peserta takaful, pemiutang institusi itu, peserta atau pengguna, atau apa-apa ketidakteraturan serius lain, telah berlaku;
- d. dia tidak dapat mengesahkan bahawa tuntutan pendeposit, pemegang akaun pelaburan, peserta takaful, pemiutang institusi itu, peserta atau pengguna, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah dilindungi oleh aset institusi itu atau aset yang berpunca daripada akaun pelaburan atau kumpulan wang takaful yang diuruskan oleh institusi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- e. terdapat apa-apa kelemahan dalam kawalan dalaman yang berkaitan dengan proses pelaporan kewangan yang dijalankan oleh institusi itu; atau
- f. kedudukan kewangan institusi itu mungkin atau telah terjejas secara material oleh mana-mana keadaan, penjalanan aktiviti oleh institusi itu atau apa-apa kelemahan dalam kawalan dalaman institusi itu.

Pada dasarnya, audit Syariah hanya bersifat '*discretionary*', di mana IKI boleh memilih untuk melaksanakannya atau tidak. Selepas penguatkuasaan

APKI, audit Syariah menjadi '*statutory requirement*', di mana ianya mesti dilaksanakan menurut akta tersebut (Mohd Afandi & Muhammad Muhaimin 2019). Hal ini menguatkan lagi bahawa peranan audit syariah dalam IKI sangat besar dalam memastikan pematuhan syariah.

#### 4. *Shariah Research*

Peranan penyelidikan syariah secara amnya, untuk menyelidik apa-apa perkara yang berkaitan pematuhan syariah. BNM telah menggariskan bahawa peranan *Shariah Research* dalam memastikan memenuhi kehendak syariah adalah (Muhammad Iqmal 2020);

- a. Menjalankan proses kelulusan pra-produk, penyelidikan, pemeriksaan isu-isu untuk diserahkan dan menjalankan urusan pentadbiran dan kesetiausahaan yang berkaitan dengan SC.
- b. Melakukan penyelidikan mendalam dan kajian mengenai isu-isu syariah, nasihat dan perundingan syariah dari hari ke hari kepada pihak-pihak yang berkaitan termasuk pembangunan produk.

Merujuk kepada SGF 2010, perenggan 7.22 menyatakan fungsi penyelidikan Syariah ini akan dilaksanakan oleh pegawai Syariah yang berkelayakan dan ruang lingkup kerja mesti merangkumi aspek Syariah. Walau bagaimanapun, fungsinya juga memerlukan pakar mengenai aspek perundangan, operasi, dan lain-lain yang berkaitan atau isu-isu untuk menjadi sebahagian daripada pembentangan kepada Jawatankuasa Syariah. Contohnya, penyelidikan menyeluruh mungkin diperlukan untuk mengkaji produk baru dan perkembangan perniagaan.

Perenggan 7.23 pula menjelaskan dalam menjalankan penyelidikan, nasihat dan input dari pakar teknikal perkara cth. aktuari, akauntan boleh dicari untuk memastikan kefahaman dan kelengkapan dalam memastikan pemahaman yang baik mengenai konsep dan pendekatan yang relevan.

Perenggan 7.24 membincangkan dari segi peranan penasihat dan perundingan, fungsi tersebut akan membantu dan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang berkenaan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Syariah. Sebagai contoh, nasihat mungkin ditawarkan dalam senarai pelaburan yang dibenarkan, mis. pemilihan saham atau saham yang dibenarkan di pasaran saham Bursa Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pegawai yang menjalankan *Shariah Research* tidak lagi berada di bawah fungsi dalaman berdasarkan standard BNM 2019. Akan tetapi *Shariah Research* melaksanakan urusan pentadbiran dan kesetiausahaan atau skretariat syariah yang berkaitan dengan SC (perenggan 7.25 SGF 2010). Perannya yang berkaitan skretariat merangkumi perkara berikut (perenggan 7.26);

- a. menyelaraskan mesyuarat,
- b. menyusun kertas cadangan,

- c. menyebarkan keputusan Syariah kepada pihak berkepentingan yang relevan dan
- d. terlibat dengan pihak-pihak yang berkaitan yang ingin meminta pertimbangan lebih lanjut mengenai isu-isu dari Jawatankuasa Syariah.


### HASIL DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan tanggungjawab atau peranan pegawai syariah, ia boleh diklasifikasikan kepada beberapa aspek iaitu peranannya terhadap jawatankuasa syariah, pematuhan syariah dan terhadap IKI itu sendiri. Klasifikasi ini adalah berdasarkan kepada analisis kandungan dalam standard yang dikeluarkan BNM dan berdsarkan kepada APKI 2013.

#### a. Peranan Pegawai Syariah terhadap Jawatankuasa Shariah

Secara dasarnya, peranan pegawai-pegawai syariah adalah menyediakan maklumat-maklumat kepada Jawatankuasa Syariah dan menyampaikan sebarang ketidak patuhan secara bertulis iaitu laporan. Setiap pegawai syariah dalam IKI mempunyai laporan tersendiri untuk diberikan kepada BOD, BAC, Jawatankuasa Syariah dan pengurusan. Rajah 1 menunjukkan ringkasan peranan pegawai syariah terhadap Jawatankuasa Syariah.

Rajah 1: Peranan pegawai Syariah terhadap Jawatankuasa Syariah



Sumber : penulis

kajian ini. Secara amnya, semakan syariah marangkumi keseluruhan operasi perniagaan IKI termasuk proses pengembangan produk yang bermula dari pengstrukturkan produk sehingga penawaran produk (Mustafa et al. 2020). Perannya dalam pematuhan syariah ialah mengenal pasti, menilai dan memantau keputusan operasi dan aktiviti perniagaan IKI agar mematuhi kehendak syariah. Pengurusan risiko syariah merupakan unit yang penting dalam pamantuhan syariah. Pegawai yang bertanggungjawab perlu melaksanakan rangkaian atau proses melibatkan pengenalpastian, penilaian atau pengukuran, pengawalan dan pengurangan, dan akhir sekali pelaporan. Audit Syariah juga memainkan peranan yang untuk membuat penilaian secara bebas. Pegawai syariah yang menjalankan peranan tersebut perlu membuat perancangan audit Kerangka audit (*audit program & audit finding*) dan pelaporan audit serta memantau operasi berdasarkan perkara yang dinyatakan dalam audit finding. Penyelidikan Syariah pula berperanan untuk menjalankan proses kelulusan pra-produk, penyelidikan, pemeriksaan isu-isu dan menyelidik dengan lebih mendalam berkenaan masalah tersebut. Rajah 2 merupakan rumusan terhadap peranan pegawai syariah dalam memastikan pematuhan syariah.

Rajah 2: Peranan pegawai Syariah dalam pematuhan Syariah



Sumber: Penulis

#### b. Peranan Pegawai dalam Pematuhan Syariah

Peranan Pegawai Syariah secara kursus berdasarkan standard dan APKI 2013 telah di bincangkan di 3.2




c. Peranan Pegawai Syariah terhadap IKI

Pegawai-pegawai syariah semestinya memainkan peranan yang besar IKI terutamanya dalam memastikan pematuhan syariah. Setiap pegawai yang menjalankan fungsi dalaman mempunyai peranan tersendiri mengikut skop tugasnya melainkan audit Syariah.

Semakan syariah berperanan untuk memberi latihan dan bimbingan kepada pegawai-pegawai IKI tidak kira sama ada pegawai syariah atau bukan syariah (SGPD 2019). Peranan pengurusan risiko Syariah dalam IKI menjadi lebih penting selepas ditubuhkan APKI 2013 (IBFIM 2019(b)). Hal ini kerana, Seksyen 28 (1) memperuntukkan bahawa "institusi hendaklah setiap saat memastikan bahawa tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan kegiatannya mematuhi Syariah. Oleh itu, pengurusan risiko Syariah perlu membuat pendekatan yang proaktif untuk memastikan pematuhan Syariah terhadap IKI.

Dalam APKI 2013, perbincangan mengenai audit syariah dibincangkan tetapi tidak dirujuk ke peringkat IKI secara khusus sebaliknya merujuk kepada peringkat nasional atau peringkat kedua, yang menjadi tanggungjawab BNM untuk mengaudit syariah di IKI di Malaysia (Muhammad Iqmal 2020). Oleh itu secara umum, fungsi audit syariah secara umumnya adalah memastikan operasi IKI mematuhi kehendak syariah. Berikut merupakan rumusan bagi peranan pegawai syariah kepada IKI.

Rajah 3: Peranan Pegawai Syariah Terhadap IKI



Sumber: Penulis

PENUTUP

Pegawai syariah merupakan orang yang menjalankan fungsi dalaman bagi memastikan pematuhan syariah. Tugas yang dilaksanakan adalah tugas yang berat kerana tugas yang menjadi panduan kepada Jawatankuasa Syariah untuk memudahkan lagi JKS mnejalankan tanggungjawabnya menentukan tahap kepatuhan syariah. Oleh itu, peranan pegawai Syariah dalam IKI merangkumi empat asas yang ditetapkan dalam Tabur Urus IKI, terutama SGP 2019.

Pewartaan APKI pada tahun 2013, menguatkan lagi peranan pegawai syariah yang melibatkan kerja-kerja audit Syariah dan pengurusan risiko. Hal ini kerana, tugas audit memerlukan penyelidikan dan penelitian yang lebih mendalam dalam pematuhan syariah. Walaupun APKI hanya menyebut mengenai audit dan pengurusan risiko, peranan pegawai-pegawai yang menjalankan fungsi dalaman yang lain juga penting. Aspek-aspek peranan difokuskan kepada peranannya terhadap SC, peranan dalam memastikan pematuhan syariah dan peranan terhadap Institusi Kewangan Islam.

APKI 2013 juga menjelaskan peranan utama peranan pegawai syariah berkaitan juruaudit dan aktuari mempunyai akauntabiliti lebih besar berbanding pegawai syariah yang lain. Tetapi, pada dasarnya, pegawai Syariah merangkumi semua individu yang menjalankan fungsi dalaman termasuk unit Kajian Syariah, Pengurusan Risiko, Audit Syariah dan Penyelidikan Syariah di bahagian skretariat.

Pegawai syariah dan semua yang terlibat dengan IKI perlu mematuhi perkara-perkara yang diperuntukan dalam APKI 2013 berkaitan pematuhan syariah. Sekiranya pegawai institusi gagal dalam mematuhi dan menyebabkan berlaku kemungkiran berkaitan kehendak syariah, maka boleh membawa kepada tindakan hukuman yang diperuntukkan dalam APKI 2013. Oleh kerana, fungsi pegawai syariah itu penting, maka BNM mensyaratkan hanya pegawai yang berkelayakan dalam bidang syariah bagi melaksanakan fungsi tersebut yang mana disyaratkan mempunyai asas ilmu Usul al Fiqh dan Fiqh al-Muamalat di peringkat pengajian sarjana muda.

RUJUKAN

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.  
Bank Negara Malaysia. 2018. *Rencana: Rangka kerja tadbir urus syariah bagi institusi kewangan Islam*. [www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/.../cp06\\_rencana\\_00.pdf.html](http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/.../cp06_rencana_00.pdf.html) [15 Ogos 2018]  
Bank Negara Malaysia. 2019. *LAPORAN TAHUNAN 2019*. [https://www.bnm.gov.my/ar2019/files/ar2019\\_bm\\_box2.pdf](https://www.bnm.gov.my/ar2019/files/ar2019_bm_box2.pdf)  
Bank Negara Malaysia. 2019. *Shariah Governance (SGP 2019)*. <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=144&ac=836&bb=file>.

- Bank Negara Malaysia. 2010. *Shariah Governance Framework for the Islamic Financial*. <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=3&pg=10&ac=37&bb=file>
- IBFIM. 2019. *Fundamental Governance and Auditing*. Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). <http://ibfionline.com/>
- Karim Ginena. 2013. Shari'ah Risk and Corporate Governance of Islamic banks. Dlm *Corporate Governance*. Hamad Bin Khalifa University. Bil. 14(1), 86-103.
- Maybank. 2014. *Sistem Tadbir Urus Syariah dalam Institusi Kewangan Islam*. [https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/articles/Urus\\_Tadbir\\_Urus\\_Syariah\\_IF.pdf](https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/articles/Urus_Tadbir_Urus_Syariah_IF.pdf)
- Mohammad Azam Hussain, Rusni Hassan & Aznan Hasan. 2015. Kehendak Syariah Dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759): Satu Tinjauan. Dlm. *CLI LAW*. Legal Network Series. 1 LNS (A) xxiii. Hlm. 1-33
- Mohamed Hadi Abd Hamid. 2017. Fungsi Semakan Syariah dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam: Satu Perbandingan Terpilih dengan Fungsi Audit Syariah. Dlm. *Jurnal Muamalat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Bil. 10. Hlm. 18-38.
- Mohd Afandi Awang Hamat & Muhammad Muhaimin Ghazali. 2019. Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam memperkasakan pelaksanaan tadbir urus syariah dan institusi kewangan Islam di Malaysia. Dlm. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (BITARA)* Bil. 2(1): 74-86
- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Nurhanani Romli, Mohammad Mahyuddin Khalid, Azri Bhari & Mohd Ashrof Zaki Yaakob. 2019. Fungsi Dan Tanggungjawab Kakitangan Bukan Syariah Dalam Pengurusan Risiko Syariah: Kajian Terhadap Praktis Syarikat Takaful di Malaysia. Dlm. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*. Bil. 02 (2019). Hlm. 51 - 66
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. 2013. Peranan dan Kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk Memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia. Fakulti Undang-Undang, UKM. *Jurnal Pengurusan*. UKM: Penerbit UKM. Bil. 38 (2013). 127 – 132.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. 2018. Struktur Tadbir Urus Syariah dalam Sistem Perbankan Islam: Analisis Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia. Dlm. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* (Jurnal UUM). Bil. 22. Hlm. 1-9.
- Mohd Zamerey bin Abdul Razak & Nurmaezah binti Omar. (2008). Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia. Dlm. *Jurnal Muamalat 1*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hlm. 135-150.
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin et al. 2020. Comparative Analysis on Shariah Governance in Malaysia: SGF 2010, IFSA 2013 and SGPD 2019. Dlm. *Journal of Public Administration and Governance*. Bil. 10 (1).
- Mustafa Mohd Hanefah, Zurina Shafii, Supiah Salleh, Nurazalia Zakaria, dan Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin. 2020. *Governance & Shariah Audit in Islamic Financial Institutions*. Ed.ke-2. Bandar Baru Nilai: USIMPRESS.
- Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, BNM. 2014. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Dlm. *Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam di Malaysia ke-10*. BNM: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. [http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/ifsa\\_2013\\_for\\_muzakarah\\_jakim\\_1.pdf](http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/ifsa_2013_for_muzakarah_jakim_1.pdf)
- Portal BNM. Majlis Penasihat Syariah Bank. Dicapai pada 16 September 2020 [https://translate.google.com/translate?hl=en&sl=ms&tl=en&u=https%3A%2F%2Fwww.bnm.gov.my%2Findex.php%3Fch%3Dbm\\_about%26pg%3Dbm\\_theban%26ac%3D331%26lang%3Dbm&anno=2&prev=search](https://translate.google.com/translate?hl=en&sl=ms&tl=en&u=https%3A%2F%2Fwww.bnm.gov.my%2Findex.php%3Fch%3Dbm_about%26pg%3Dbm_theban%26ac%3D331%26lang%3Dbm&anno=2&prev=search)
- Portal Rasmi BNM. 2019. [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_legislasi&pg=bm\\_legislation\\_act&ac=344&full=1&lang=bm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislasi&pg=bm_legislation_act&ac=344&full=1&lang=bm) [ 23 februari 2020]
- Portal Rasmi MPS. [https://www.sacbnm.org/?page\\_id=12&lang=ms](https://www.sacbnm.org/?page_id=12&lang=ms) Dicapai pada [23 februari 2020]
- Rusni Hassan & Safinar Salleh. 2017. Pematuhan Syariah Dalam Operasi Takaful di Bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013. *Jurnal Syariah*, Bil. 25, Bil. 2:247-266
- Ruzian Markom. 2013. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Fakulti Undang-Undang. *Kanun*. 153-157
- Shamsiah Mohamad. 27 Ogos 2020. Kewangan Islam yang dikawal selia. Dlm Sinar Harian. Kumpulan Karangkraf. <https://www.sinarharian.com.my/article/98478/KOL-UMNIS/Kewangan-Islam-yang-dikawal-selia>
- Sistem Tadbir Urus Syariah dalam Institusi Kewangan Islam [https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/articles/Urus\\_Tadbir\\_Urus\\_Syariah\\_IF.pdf](https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/articles/Urus_Tadbir_Urus_Syariah_IF.pdf)

Mat Noor Mat Zain  
[mnmz@ukm.edu.my](mailto:mnmz@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Najihah Binti Ali (A162898)  
*ghahali98@gmail.com*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani,  
*nikrahim@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang</b> <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang	1-21
<b>Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah</b> <i>Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement</i> Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff	22-28
<b>Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam</b> <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman	29-41
<b>Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013)</b> <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	42-52
<b>Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia</b> <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin	53-64
<b>Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah</b> <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	65-76
<b>Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam</b> <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda	77-83
<b>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia</b> <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin	84-90
<b>دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجا: دراسة تحليلية</b> <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri	91-107

Journal of Contemporary Islamic Law

(2020)Vol. 5(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi  
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh  
Dr. Asman Taeali  
Dr. Muhammad Yasir Yusuf  
Dr. Ahmad Nizam  
Dr. T. Meldi Kesuma  
Sarjiyanto  
Shinta Melzatia  
Dr. Hamza Hammad  
Dr. Nazlida Muhamad  
Dr. Madiha Riaz  
Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2020), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivate Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.